

12/03/2000

Kemelut rakyat Aceh

Habsah Dinin; Nurrul Hidayah Yusof

KECEWA, kecewa dan terus kecewa lagi. Inilah perkataan yang paling sesuai dilahirkan oleh rakyat Aceh sehingga memaksa rakyat tempatan menerusi Gerakan Aceh Merdeka (GAM) bangkit memberontak dan bertindak ganas kerana tidak puas hati dengan ketidakadilan dan sikap sambil lewa kerajaan Indonesia terhadap hak dan kepentingan rakyat wilayah itu sejak dulu lagi.

Suara orang Aceh tidak dipedulikan. Hak mereka dinafikan. Kepentingan mereka diabaikan tetapi kekayaan wilayah yang sepatutnya juga dinikmati rakyatnya dikeluarkan untuk kepentingan wilayah lain. Begitulah keluhan sebahagian penduduk Aceh.

Pensyarah Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Salina Zainol, berkata sebahagian rakyat Aceh beranggapan Aceh boleh menjadi semakmur dan sekaya negara Brunei sekiranya ia merdeka dan dibenarkan menguruskan kekayaannya sendiri.

Katanya, bumi Aceh dikenali kaya dengan gas asli dengan loji gas aslinya di Loh Seumaeh adalah yang terbesar di Asia Tenggara.

"Hanya 10 peratus hasil kekayaan Aceh diberikan kepada penduduk Aceh untuk membiayai pelbagai pembangunan sosial dan ekonomi manakala selebihnya 'masuk kocek' kerajaan pusat," tambahnya.

Dalam pada itu, sebahagian besar hasil gas juga dimiliki kroni Suharto dan syarikat dari Jepun kerana Suharto mempunyai hubungan erat dengan Jepun.

Ini katanya, menimbulkan rasa tidak puas hati orang Aceh lebih-lebih lagi Jakarta lebih mendahulukan kepentingan dan kebajikan pusat berbanding orang Aceh, tidak kira di mana mereka berada.

"Satu lagi sebabnya, orang Aceh tidak pernah merasakan mereka sebahagian daripada Indonesia kerana Aceh adalah Aceh dan bukannya Indonesia. Kerana itu mereka merasakan perlu wujudnya sebuah negara Aceh yang merdeka dengan orang Aceh menjalankan semua urusan pentadbiran, penguasaan ekonomi dan penguatkuasaan undang-undang serta adat secara sendiri.

"Ini sifat semula jadi orang Aceh yang mempunyai semangat juang yang tinggi dan bersedia berjihad menentang kezaliman sejak dari dulu," katanya.

Melihat susur galur sejarah, rakyat Aceh memang terkenal dengan semangat juang yang tinggi dan jujur. Malangnya kejujuran dan pendirian mereka diperkotakatikkan oleh penjajah British, Belanda dan Jepun.

Dan kini mereka merasakan keadaan sama juga wujud dalam kerajaan Indonesia sendiri iaitu zaman Sukarno, Suharto, BJ Habibie hinggalah dalam pemerintahan Abdurrahman Wahid atau Gus Dur hari ini yang menjangkau 100 tahun.

Kerana itulah, berhadapan dengan maut seperti perkara biasa kepada rakyat Aceh. Orang Aceh juga adalah orang yang bertanggungjawab menentang Belanda dengan buluh-buluh runcing pada 1945, semata-mata untuk menuntut kemerdekaan. Tetapi mereka merasa seolah-olah tertipu sekali lagi apabila Indonesia 'mengambil kesempatan' mengisytiharkan kemerdekaan di atas kemerdekaan yang sebenarnya milik orang Aceh dan negara itu.

Kemerdekaan Indonesia diperolehi apabila Sukarno bertindak cepat membuat pengisytiharan di sebuah rumah seorang laksamana tentera laut Jepun iaitu Panglima Myeda ketika Jepun sibuk dengan pengunduran tentera yang berlaku lebih awal.

Jepun dikatakan berjanji memberikan kemerdekaan kepada Aceh pada 17

Oktober 1945 sebelum ia mengundurkan kerajaan dan tenteranya dari bumi Aceh.

Siapakah yang paling bijak dalam hal ini? Pasti Sukarno. Dia bukan saja bijak dalam tutur katanya tetapi cekap dalam tindakannya sehinggakan Aceh yang bekerja keras berjuang bermatian-matian terlepas peluang.

Bagaimanapun katanya, hakikatnya perjuangan ulama Aceh yang pada peringkat awalnya dibuat menerusi gerakan Pertubuhan Ulama Seluruh Aceh (Pusa) yang dibangkitkan oleh Teuku Oma Ditiru, Darul Islam oleh Daud Birueh dan kini GAM oleh Teuku Hasan Ditiru tidak terancang hingga dengan mudah mereka terpengaruh dengan dakyah yang belum pasti kebenarannya.

"Mereka mudah terpengaruh kepada sesuatu perjuangan yang berteraskan Islam biarpun mereka sendiri belum dapat memastikan ia adalah perjuangan Islam yang sebenarnya. Itulah yang membuatkan mereka tertipu dengan dakyah Sukarno, Habibie dan yang dibawa oleh Gus Dur.

"Seperkara lagi, secara peribadi perjuangan GAM kini lebih bersifat perjuangan mementingkan diri sendiri yang menyebabkan gajah sama gajah berjuang, semut mati di tengah-tengah. Bermakna rakyat yang tidak berdosa terpaksa menyokong gerakan meskipun mereka sendiri tidak pasti di manakah hala tuju perjuangan GAM itu kini," katanya.

Begitu juga dengan kerajaan pusat, rakyat Aceh dipaksa menyokong parti Golkar dalam pilihan raya yang lalu dan sekiranya mereka enggan mereka akan dicap sebagai penentang kerajaan.

"Keadaan ini membuatkan rakyat tempatan benar-benar tersepit, sama ada menyokong perjuangan GAM yang mahu menegakkan kemerdekaan dan keadilan di bumi Aceh sedangkan pemimpin GAM tidak berada di Aceh iaitu hanya mengatur strategi daripada luar.

"Atau Jakarta yang mereka telah lihat sendiri menggunakan tentera melakukan kekejaman terhadap rakyat di Aceh sejak 1965 lagi dan lebih hebat apabila Suharto berkuasa," katanya.

Sejak Teuku Hasan Ditiru melarikan diri ke Sweden, dia menggunakan negara itu untuk menubuhkan pusat gerakan pemisah GAM yang strategik di negara itu. Pusat itu dikatakan masih beroperasi hingga hari ini.

Salina berkata, GAM juga mempunyai hubungan rapat dengan gerakan pemisah antarabangsa terutamanya dari Timur Tengah iaitu Libya.

Apakah akan ada jalan penyelesaian yang memungkinkan konflik ini boleh diselesaikan secara aman?

"Ia masih kabur. Selagi salah satu pihak tidak mahu mengalah. Bagaimanapun yang pastinya Jakarta sama sekali tidak akan membenarkan Aceh keluar daripada Indonesia kerana Jakarta masih memerlukan kekayaan Aceh untuk meneruskan agenda ekonominya, lebih-lebih lagi dalam kemelut ekonomi yang sedia dihadapi oleh Indonesia sekarang," katanya.

Gus Dur sebelum dilantik presiden berjanji akan memberikan referendum kepada penduduk Aceh seperti yang dibuat di Timor Timur, malangnya ia hanyalah kata-kata manis Gus Dur saja.

Melepaskan Timor Timur adalah satu kesilapan besar bagi Gus Dur kerana ia menyemarakkan lagi tentangan dan pergolakan menuntut kemerdekaan di Aceh dan beberapa negara lain iaitu Maluku dan Irian Jaya.

"Pelepasan Timor Timur dipersoalkan GAM kerana Timor Timur yang rata-rata berpenduduk Jawa Kristian berhak mendapat kemerdekaan, inikan pula Aceh. Sepatutnya Indonesia, sebuah negara Islam lebih memberi perhatian terhadap permintaan rakyat Islam Aceh, ini secara langsung menampakkan sikap double standard Jakarta terhadap orang Aceh," katanya.

Bagi Malaysia pula, isu Aceh adalah masalah dalaman Indonesia. Dasar Malaysia mengenai Aceh adalah jelas; ia tidak pernah menghulurkan apa-apa bantuan kepada pergerakan pemisah Aceh meskipun ada dakwaan kononnya Malaysia membantu GAM. Malah, Malaysia berpendapat Aceh perlu dijadikan benteng untuk memperkukuhkan kedaulatan Indonesia.

Pendirian Malaysia ini diperjelaskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada Gus Dur ketika melawat Jakarta Khamis lalu.

Dalam pertemuan dengan Gus Dur itu, Dr Mahathir memberitahu beliau sudah mengadakan pertemuan dengan beberapa pemimpin agama Aceh baru-baru ini dan menjelaskan kepada mereka, Malaysia mahu Aceh kekal dalam Indonesia.

Dalam hal menjadi orang tengah bagi masalah Aceh, Malaysia mengambil sikap sungguh berhati-hati. Sungguh permintaan itu disuarakan oleh Indonesia, Malaysia mahu syor itu diterima oleh kedua-dua pihak bertelagah, iaitu kerajaan Indonesia dan pihak pemisah Aceh. Tanpa persetujuan kedua-dua pihak, Malaysia yakin usaha itu tidak akan berkesan dan tidak akan membawa faedah bagi semua pihak.

Malaysia tidak mahu dituduh terlalu menyebelahi kerajaan Indonesia atau golongan pemisah Aceh.